



KENYATAAN MEDIA

untuk siaran segera

PESARA TENTERA MENANG SEBUAH KERETA PROTON X70 DALAM KEMPEN “SIMPAN DAN MENANG LEBIH KAW KAW” BANK MUAMALAT

Seri Manjung, Perak, 10 Mei, 2021 – Menjelang beberapa hari sebelum sambutan Syawal, seorang pesara tentera dari Seri Manjung, Perak telah menerima durian runtuh apabila membawa pulang sebuah kereta Proton X70 setelah muncul sebagai pemenang suku tahunan bagi kategori Cabutan Emas dalam Kempen “Simpan dan Menang Lebih Kaw Kaw” Bank Muamalat Malaysia Berhad.

Pemenang berusia 55 tahun itu, Mohd Aridzi Awang, telah menerima hadiah beliau yang disampaikan oleh Pengurus Wilayah Utara Bank Muamalat, Khirrilanuar Zakaria dan Pengurus Cawangan Bank Muamalat Seri Manjung, Azlina Din di premis pengedar sah PROTON Seri Manjung.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat, Khairul Kamarudin, Kempen “*Simpan dan Menang Lebih Kaw Kaw*” adalah sejajar dengan komitmen Bank Muamalat untuk memupuk tabiat menyimpan dalam kalangan masyarakat, di samping memberi peluang kepada pelanggan untuk memenangi pelbagai ganjaran menarik.”

“Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Encik Aridzi di atas kemenangan beliau. Semoga kemenangannya menjadi contoh dan dorongan kepada orang ramai tentang manfaat menabung untuk keperluan masa hadapan. Beliau antara pemenang bertuah yang terpilih selepas menyertai program ‘*Muamalat Enrich*’ sebuah program simpanan yang disasarkan khas kepada segmen pesara di Malaysia yang bertujuan memupuk tabiat menabung seumur hidup setelah bersara dalam kalangan anggota masyarakat,” kata Khairul.

“Program ‘*Muamalat Enrich*’ terbuka kepada orang awam yang berumur 55 tahun ke atas serta anggota angkatan tentera yang berumur 42 tahun ke atas. Peserta program ini juga akan menikmati berbagai keistimewaan dan berpeluang memenangi pelbagai hadiah dalam Kempen “*Simpan dan Menang Lebih Kaw Kaw*,” tambah Khairul.

Kempen “*Simpan dan Menang Lebih Kaw Kaw*” yang diadakan untuk tahun kedua berturut-turut berlangsung selama setahun bermula 1 Ogos 2020 hingga 31 Julai 2021 dan menyasarkan jumlah nilai deposit sebanyak **RM400 juta**. Ianya menawarkan lebih daripada 900 hadiah menarik bernilai RM2.5 juta, termasuk hadiah utama berupa wang tunai bernilai RM1,000,000.00, serta empat buah kereta premium popular (2x Honda HRV, Honda Civic dan Proton X70) untuk cabutan suku tahunan.



BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD 196501000376 (6173-W)
Ibu Pejabat, Menara Bumiputra, 21 Jalan Melaka, 50100 Kuala Lumpur
Laman Web : www.muamalat.com.my Tel : 03 2600 5500



Abhi kumpulan
DRB-HICOM

Selain itu, hadiah wang tunai juga ditawarkan untuk cabutan bulanan peringkat kebangsaan dan cabutan bulanan tempatan. Untuk kempen kali ini, Bank Muamalat turut memperkenalkan cabutan hadiah wang tunai bulanan khas untuk kategori pesara awam dan tentera.

Sehingga kini, lebih 500 orang pemenang telah diumumkan bagi tempoh tujuh bulan kempen bermula dari Ogos 2020 hingga Februari 2021. Kempen "*Simpan & Menang Lebih Kaw Kaw*" dibuka untuk semua pelanggan sedia ada dan baharu yang mempunyai akaun simpanan, akaun semasa dan akaun gaji di Bank Muamalat. Pemegang akaun tersebut akan mendapat kelayakan secara automatik dengan menyimpan minimum RM100 dalam akaun Simpanan Bank Muamalat dan RM500 dalam akaun Semasa, sepanjang tempoh kempen berlangsung.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai Kempen "*Simpan & Menang Lebih Kaw Kaw*" dan senarai nama pemenang, sila layari laman sesawang kami di www.muamalat.com.my. Pelanggan juga boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan Bank Muamalat di talian 03-2600 5500 untuk maklumat lanjut.

TAMAT

Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi:

Saidatul Leiza Suleiman: +6011 1061 5266 | leiza@muamalat.com.my